



NEWSLETTER

Untuk Maklumat www.dosm.gov.my
Lanjut : www.mycensus.gov.my



DOSM/DOSM.SARAWAK/1.2021/Siri 34



PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) NEGERI SARAWAK - ISU PENGUMPULAN DATA BAGI SURVEI SOSIAL DAN EKONOMI

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Negeri Sarawak telah berkuatkuasa bermula:

29 Mei 2021 (kemaskini 31 Mei 2021).

Jun 2021, Kes Baharu COVID-19 berada dalam julat 400-800 sehari, lebih 70 kluster aktif di Sarawak;

Pergerakan Penduduk dibenarkan dalam daerah masing-masing kecuali Kawasan PKPD;

Pergerakan antara Daerah adalah TIDAK DIBENARKAN kecuali bagi Perkhidmatan Perlu dan mempunyai Permit Polis atau surat daripada majikan masing-masing;

Individu /Kumpulan Individu TIDAK DIBENARKAN untuk berkumpul di kawasan awam melebihi 2 orang tanpa alasan yang munasabah;



Pengoperasian

Agensi

Kerajaan

Persekutuan di Sarawak dilaksanakan dengan kaedah Bekerja Dari Rumah (BDR) sepenuhnya;



Kehadiran ke pejabat hanya boleh dibenarkan bagi proses kerja yang tidak dapat dilaksanakan secara BDR dengan tidak melebihi 20%;



Seluruh sektor ekonomi, industri dan perkhidmatan TIDAK DIBENARKAN



beroperasi KECUALI disenaraikan pada mana-mana bahagian SOP yang dikeluarkan atau disenaraikan dalam senarai Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*).



JAN 2020 FEB 2020 MAC 2020 APR 2020 MEI 2020 JUN 2020 JUL 2020 OGO 2020 SEP 2020 OKT 2020 NOV 2020 DIS 2020 JAN 2021 FEB 2021 MAC 2021 APR 2021 MEI 2021 JUN 2021

Survei Sosial dan Ekonomi

Semasa penularan Covid-19, Survei Isi Rumah dan Ekonomi yang terlibat adalah survei jangka pendek iaitu survei kekerapan bulanan atau suku tahunan. Meskipun dalam tempoh pelaksanaan siri PKP, survei jangka pendek terus dilaksanakan di DOSM Negeri dengan menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan situasi semasa

Bulanan	Suku Tahunan
Survei Tenaga Buruh	Survei Pertanian Dan Alam Sekitar
Survei Pelancongan Domestik	Survei Guna Tenaga, Gaji & Upah
Survei Pembuatan Bulanan	Survei Perkhidmatan
Survei Perdagangan Borong dan Runcit	Survei Binaan
Banci Getah	
Pungutan Harga Pengguna	
Pungutan Harga Pengeluar	



BANCI 2020
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA
DATA ANDA MASA DEPAN KITA

#MyStatsDay | #MyCensus2020 | #LeaveNoOneBehind

Mod Pengumpulan Data Sedia Ada dan Penyesuaian Semasa PKP

Mod Pengumpulan Data Sedia Ada

- Temuduga Bersemuka
- Panggilan Telefon
- Faks
- Emel
- Secara Melalui E-survei



Penyesuaian Mod Pengumpulan Semasa PKP

- Kaedah sedia ada yang bersesuaian;
- Aplikasi Whatsapp/Telegram
- Google Form



Metodologi Pungutan Data Sedia Ada

Pelaksanaan Survei Tenaga Buruh (STB) meliputi 75% sampel baharu dan 25% sampel ulangan. Secara asasnya, pungutan data STB menggunakan pendekatan:

1. **Panel baharu:** temuramah bersemuka, di mana penemuramah terlatih melawat Tempat Kediaman responden untuk mendapatkan maklumat demografi ahli isi rumah dan maklumat berkaitan butir-butir tenaga buruh bagi ahli isi rumah yang berumur 15 tahun dan lebih;
2. **Panel Ulangan:** kaedah *Computer Assisted Telephone Interview* (CATI). CATI adalah merupakan kaedah pungutan data dengan temuramah responden melalui telefon yang dilengkapi sistem komputer interaktif.

Dalam usaha untuk mendapatkan respons survei ekonomi terutama dalam tempoh PKP, penggunaan kaedah selain daripada mod yang biasa digunakan, pegawai kerja luar juga perlu mempelbagaikan kaedah respons secara atas talian seperti menggunakan aplikasi **Whatsapp**, **Telegram** dan sebagainya.

Pekerja syarikat yang perlu bekerja dari rumah tidak dapat dihubungi menjadikan kaedah menggunakan aplikasi media sosial menjadi satu penyelesaian kepada kekangan operasi semasa PKP.


Penyesuaian Metodologi Pungutan Data dalam Tempoh PKP

Dalam tempoh PKP, beberapa penyesuaian telah dilakukan ke atas metodologi pungutan sedia ada. Penyesuaian tersebut meliputi STB bulan Mac hingga Ogos 2021 serta merangkumi panel baharu dan panel ulangan iaitu:

1. Pemilihan sampel ulangan yang mempunyai maklumat nombor telefon;
2. Pungutan data melalui kaedah pengisian **google form** oleh responden iaitu ID dibekalkan kepada responden untuk mengisi maklumat melalui pautan **google form**; dan
3. Melaksanakan 100% pungutan data menggunakan kaedah temuramah **melalui telefon**.



Kesan Penyesuaian Metodologi Pungutan Data Survei Tenaga Buruh



Pada bulan Mac 2020, kadar respons STB adalah pada 83.6% iaitu kurang daripada KPI 85% yang ditetapkan. PKP bermula pada 18 Mac 2020, oleh itu, pungutan data masih menggunakan metodologi sedia ada bagi tempoh sebelum tarikh tersebut. Penyesuaian metodologi pungutan data hanya dilaksanakan selepas 18 Mac 2020.


Penggunaan sampel ulangan yang mempunyai maklumat nombor telefon telah dilaksanakan pada bulan Mei dan seterusnya meningkatkan semula kadar respons kepada 90.1%. Pada Mei 2020 juga, metodologi pungutan data melalui pengisian *google form* oleh responden dimulakan. Walau bagaimanapun, kaedah tersebut mewakili kurang daripada 20% daripada keseluruhan kadar respons. Ini disebabkan oleh keengganan responden untuk mengisi maklumat melalui *google form* dan terdapat juga pengisian maklumat yang tidak lengkap. Kadar respons kemudiannya dilihat terus stabil pada tempoh Jun hingga Ogos 2020.

Bermula September 2020, metodologi pungutan data telah kembali menggunakan metodologi asal iaitu temuramah bersemuka dan CATI. Walaupun kadar respons sedia ada adalah lebih rendah, daripada segi liputan, ianya adalah lebih menyeluruh kerana turut meliputi panel baharu.



Analisa Siri Masa Prestasi Respons Survei Mengikut Mod Sebelum dan Selepas PKP


Peratus Respons Mengikut Mod Survei Pembuatan Bulanan, DOSM Sarawak



Semasa pelaksanaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 1.0) pada Mac 2020, mod respons oleh pertubuhan menggunakan mod atas talian mulai meningkat melebihi 85% berbanding sebelumnya. Pencapaian ini terus kekal sehingga ke bulan rujukan April 2021.

Nota: Mod atas talian meliputi kaedah esurvei, emel, telefon, faks dan pos

Peratus Respons mengikut Cara Terima, Survei Perdagangan Borong dan Runcit Bulanan DOSM Sarawak



Semasa pelaksanaan PKP pada 18 Mac – 9 Jun 2020, pengumpulan data secara telefon meningkat kepada hampir 70% bagi Survei Perdagangan Borong dan Runcit Bulanan Sarawak.




Analisa Siri Masa Prestasi respons Survei Mengikut Mod Sebelum dan Selepas PKP




Kadar respons yang diterima bagi Survei Pembuatan Bulanan DOSM Sarawak sedikit terjejas semasa PKP. Sebagai contoh semasa PKP pada bulan Mac 2020 peratus borang lengkap Survei Pembuatan Bulanan adalah sebanyak 89.3% berbanding pencapaian biasa melebihi 90%.

Peratus Respons Survei Pembuatan Bulanan Jan 2019 - Apr 2021



Cabaran yang dihadapi dalam pengumpulan data Survei semasa PKP tidak dapat dinafikan. Kadar respons Survei Perdagangan Borong dan Runcit Sarawak adalah rendah berbanding biasa iaitu di bawah 90% semasa pelaksanaan PKP pada tahun 2020.

Peratus Respons Survei Perdagangan Borong dan Runcit, Jan 2020 - Apr 2021



Isu dan Cabaran Pengumpulan Data Semasa PKP

1

Risiko jangkitan penyakit Covid-19 yang sedang menular kepada Pegawai Kerja Luar yang terpaksa bertemu responden di lapangan terutama bagi sampel baharu atau kes yang tidak dapat dihubungi dari pejabat.



2

Responden sukar dihubungi dankekangan responden dari segi komitmen kerja hakiki semasa giliran di pejabat. Responden di kawasan luar bandar mempunyai akses terhad kepada talian telefon.



3

Cara pengumpulan data melalui telefon terhad kepada survei yang ringkas dan amat sukar bagi survei yang memerlukan data seperti pendapatan dan perbelanjaan.




4

Kesukaran penemuramah mendapatkan kebolehpercayaan responden akibat penggunaan telefon peribadi, sekaligus meningkatkan masa temuramah. Sebahagian responden hanya bekerjasama dengan kaedah pungutan data secara bersemuka.



5

Pengisian *google form* yang tidak lengkap oleh responden. Responden panel ulangan: Responden mempersoalkan keperluan menjawab lebih dari sekali, tambahan dengan soalan Banci 2020 yang telah dijawab turut dipersoalkan.



6

Kesukaran mendapatkan respons bagi pertubuhan yang tidak tersenarai dalam Perkhidmatan Perlu, *Essential Services*. Pekerja Pengurusan dan Pentadbiran adalah BDR atau Pertubuhan tersebut tutup dan responden tidak dapat dihubungi.



7

Kerjasama dari pertubuhan menjadi semakin berkurang kerana setiap pertubuhan mempunyai tekanan masing-masing semasa berhadapan dengan kemerosotan perniagaan.



Penutup

Secara keseluruhannya, pelaksanaan PKP telah mengganggu kaedah pungutan data secara konvensional. Walau bagaimanapun, penyesuaian metodologi pungutan data, dapat meningkatkan kadar respons. Kekangan terbesar dan utama dalam kaedah alternatif adalah untuk meyakinkan dan mendapatkan kerjasama responden di samping liputan yang kurang menyeluruh serta isu kualiti data yang dipungut. Namun dalam situasi yang penuh rintangan, pungutan data dengan pelbagai kaedah alternatif akan diteruskan demi memberikan situasi sebenar di lapangan.

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM. Pandangan yang dinyatakan adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan DOSM.

